




Factsheet CAT02

Kategori-kategori kerja berkenaan kanak-kanak 2: tadika komuniti

Malay | Bahasa Melayu



Tadika komuniti yang didaftarkan mengikut Bahagian 5 *School Education Act 1999*.

Jawatan-jawatan kerja berkenaan kanak-kanak

Di bawah ini ada beberapa jawatan yang dianggap [kerja berkenaan kanak-kanak](#). Harap ingat, dalam semua hal, jawatan itu dianggap kerja berkenaan kanak-kanak kalau **tugas biasa (usual duties)** jawatan itu mesti ada, atau boleh dikatakan ada, **kontak (contact)** dengan seorang **kanak-kanak (child)**. Jawatan yang berkenaan termasuk:

- guru dan pembantu pengajar
- **pelajar (students)** yang menjalani latihan praktikal dan umurnya lebih 18 tahun
- pekerja bukan pengajar, termasuk pekerja kebun, pekerja kebersihan, dan tukang masak yang bekerja di pusat penjagaan kanak-kanak dalam masa urusan tadika itu dan tugas biasanya termasuk kontak dengan kanak-kanak yang lebih daripada **tidak sengaja (incidental)**
- pembekal khidmat dari luar, misalnya guru tari atau seni lukis, yang hadir untuk mengadakan aktiviti bersama kanak-kanak.

Exemption (kelonggaran)

Ada beberapa [exemption](#) untuk kategori ini:

- **sukarelawan (volunteers)** remaja yang umurnya kurang 18 tahun
- pelajar yang tidak dibayar gaji dan umurnya kurang 18 tahun
- **pelawat yang tinggal tidak lama (short-term visitors)** di WA
- kalau kanak-kanak terdaftar di tadika dan **ibu atau bapanya (parent)** menjadi sukarelawan di tadika yang sama, lihat [Factsheet CRW03 – Exemptions, the parent volunteer exemption](#).

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di www.workingwithchildren.wa.gov.au